

Permintaan tertunai

Keluarga Allahyarham Azmi terima kediaman baharu

TANJONG KARANG - Permintaan terakhir Allahyarham Azmi Kasim yang mahu melihat ahli keluarganya tinggal dalam rumah selamat direalisasikan dengan pembinaan Projek Bantuan Rumah Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Isterinya, Marini Mohd Mukhlas, 37, berkata, dia sekeluarga sebak mengenangkan permintaan terakhir Allahyarham suaminya sebelum meninggalkan mereka sekeluarga akibat jangkitan kuman paru-paru.

"Saya cukup terharu dan berterima kasih kepada YB Datuk Sulaiman kerana sudi bantu cari penyumbang prihatin sekali gus bina rumah buat kami sekeluarga.

"Sebelum ini, YB ada datang bila rumah kami kena ribut dan masa itu, Allahyarham suami terlantar sakit tak boleh bergerak dan dia mohon YB bantu baik pulih rumah yang usang.

"Mulanya memang kami hanya mohon nak baik pulih rumah tapi Alhamdulillah dapat rumah baru... kami cukup lega sebab selepas ni hati tak runsing kalau hujan lebat sebab rumah ni bergoyang bila angin ribut," katanya.

Ibu mentuanya, Jorah Jurimi, 68, juga tidak dapat menggambarkan perasaan gembiranya apabila impian untuk tinggal di rumah yang selamat dan selesa akhirnya dapat dicapai.

"Kalau dulu, mamek cukup takut kalau hujan lebat dan angin kencang sebab pernah kena hempap bumbung runtuh masa ribut... bila dengar angin kuat saja, mamek terus lari dengan cucu ke dapur.

INFO • Projek pembinaan rumah telah dilaksanakan oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam

"Bila tengok rumah dah bergoyang, kami terus lari ke bilik air luar untuk menyelamatkan diri... macam itulah keadaan kami kalau cuaca buruk tapi Alhamdulillah sekarang ni sudah lega," katanya.

Marini merupakan penerima Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Rumah Baiti Jannati sumbangan TNB dan dilaksanakan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam.

Majlis Penyerahan Kunci disempurnakan Adun Permatang, Datuk Sulaiman Abd Razak diiringi Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam, Kolonel Bersekutu Tajuddin Abd Rashid.

Sementara itu, Sulaiman ber-

kata, pihaknya berusaha untuk membantu memenuhi keperluan keluarga kurang berkemampuan melibatkan dua ibu tunggal.

"Saya pernah mengunjungi rumah ini yang paling teruk dilanda musibah ribut dan Allahyarham Azmi yang terlantar sakit ketika itu memohon supaya dapat membaiki rumah ibunya yang usang.

"Bagi saya, isu keperluan rumah ini adalah perkara asas yang perlu diberikan keutamaan dan berterima kasih kepada TNB yang sudi memperuntukkan sejumlah dana untuk menjayakan projek ini.

"Di Dun Permatang juga, ada satu rumah penduduk Cina di Kampung Baru Tiram Jaya yang diluluskan melalui peruntukan CSR TNB untuk baik pulih rumah kerana keadaan yang lebih teruk.

"Saya juga berterima kasih kepada 19 pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam yang berkampung setiap minggu bagi menyiapkan rumah dalam tempoh sebulan," katanya.



Sulaiman (kanan) menyampaikan replika kunci sebagai simbolik penyerahan rumah kepada Marini di Blok S Sawah Sempadan, semalam.